

xx

B502

PEMUDA - MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR. 1 JULAI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI. DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI SEMUA TENAGA PERLU DIGEMBELING UNTUK MENENTUKAN ANCAMAN PENGGANAS KOMUNIS DITEWAS DAN DIHANCURKAN SECEPAT MUNGKIN.

NAIB PRESIDEN UMNO ITU JUGA MENEKANKAN BAHAWA UMNO MESTI MEMAINKAN PERANAN YANG UTAMA DALAM PERANG MELAWAN KOMUNIS.

+KITA MESTI MENJADI LIDAH DAN SUARA KERAJAAN DAN RAKYAT.+ TEGASNYA SEWAKTU MERASMIKAN PERHUMPUNAN AGONG TAHUNAN PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UMNO DI BALAI BUDAYA. DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI SINI PAGI INI.

KATANYA. SEMUA AHLI DAN PEMIMPIN UMNO DARI PEMUDA. WANITA DAN UMNO DEWASA HENDAKLAH MENJADIKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA MEMAHAMI DAN MENERANGKAN TENTANG PERANG ANTI-KOMUNIS INI.  
-- BERSAMBUNG 0930/AB

xx

B503

PEMUDA - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

8

DR. MAHATHIR BERKATA PEPERANGAN MENENTANG KOMUNIS ADALAH PEPERANGAN RAKYAT.

PEPERANGAN INI MENJADI PEPERANGAN RAKYAT BUKAN KERANA DIISYTIHAR SEBAGAI PEPERANGAN RAKYAT. TETAPI KERANA PEPERANGAN INI MELIBATKAN SEMUA LAPANGAN RAKYAT - SAMADA MISKIN ATAU KAYA. MELAYU. CHINA ATAU INDIA.

SEMUA RAKYAT AKAN MERASAI KESAN BURUK DARI PEPERANGAN INI. TEGASNYA.

BAGI YANG MISKIN. KESAN PERTAMA IALAH KURANGNYA PERUNTUKAN WANG UNTUK PEMBANGUNAN YANG DITUMPUKAN KEPADA PEBASMIAN KEMISKINAN.

BAGI YANG KAYA PEPERANGAN INI AKAN MENYUSAH KEHIDUPAN DAN MENYEKAT PERNIAGAAN MEREKA DAN PARA PEKERJA YANG BERGANTUNG KEPADA PERNIAGAAN MEREKA JUGA AKAN TERANCAM. -- BERSAMBUNG 0933/AB

xx

B104

PEMUDA - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PENGGANAS KOMUNIS. KATA DR. MAHATHIR LAGI. TIDAK AKAN MEMBEZA ANTARA MISKIN DENGAN KAYA. ATAU ANTARA KAUM DENGAN KAUM DALAM SERANGAN MEREKA.

BELIAU MENGINGATKAN. JIKA KOMUNIS BERJAYA BARANG SEDIKITPUN. SEMUA PIHAK AKAN MERASAI PENINDASAN MEREKA.

INI SUDAH BERLAKU DI LAIN-LAIN NEGARA DAN TIDAK ADA ATAU SEBAB YANG IA TIDAK AKAN BERLAKU DI NEGARA INI. TEGASNYAWM

BAGI ORANG MELAYU KHUSUSNYA. AGAMA MEREKA AKAN TERANCAM. KOMUNIS TIDAK AKAN MEMBEZA AGAMA ISLAN ORANG MISKIN DAN AGAMA ISLAM ORANG KAYA.

SEKARANG INI PUN. KATA DR. MAHATHIR SELANJUTNYA. KOMUNIS TELAH MENCUBA MENGHANCURKAN KEPERCAYAAN SEMUA ORANG MELAYU. SAMADA MISKIN ATAU KAYA. KEPADA AGAMA ISLAM. -- BERSAMBUNG 0935/AB

££

B505

PEMUDA-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENYEBUT BAGAIMANA UCAPAN BELIAU DI PERAK KATANYA TELAH DIPUTARBELITKAN OLEH AKHBAR NEW STRAITS TIMES DUA MINGGU DAHULU.

+SUNGGUNPUN DALAM UCAPAN SAYA ITU SAYA MENEGASKAN BAHAWA 'PEPERANGAN MENENTANG KOMUNIS BUKAN PEPERANGAN KELAS TETAPI ADALAH PEPERANGAN IDEOLOGY' NEW STRAITS TIMES KERANA SEBAB-SEBAB YANG SAUDARA-SAUDARA TENTU FAHAM TELAH MELAPURKAN BAHAWA SAYA BERKATA:

'PEPERANGAN MENENTANG KOMUNIS BUKAN SAHAJA PEPERANGAN KELAS. TETAPI ADALAH JUGA PEPERANGAN IDEOLOGY'.

+LAPURAN PUTARBELIT INI SUDAH TENTU MENGELIRUKAN DAN MUNGKIN MENIMBULKAN PERASAAN DI KALANGAN ORANG YANG MISKIN DAN PEKERJA-PEKERJA BAHAWA PERANG INI ADALAH ANTARA ORANG KAYA DENGAN ORANG MISKIN. DAN MEREKA TIDAK SEHARUSNYA MENYERTAI DI SEBELAH ORANG KAYA.+ KATANYA. -- BERSAMBUNG 0937/AB

££

B506

PEMUDA - MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA KESAN LAPURAN SEPERTI ITU TENTULAH NYATA.

+OLEH ITU ADALAH PENTING BAGI KITA SEMUA AHLI DAN PEMIMPIN UMNO DARI PEMUDA, WANITA DAN UMNO DEWASA. MEMAHAMI DAN MENERANGKAN TENTANG PERANG ANTI-KOMUNIS INI.

+INI MENJADI TANGGUNGJAWAB SAUDARA-SAUDARI DAN JUGA SAYA SENDIRI.+ TEGASNYA.

BELIAU BERKATA KEBAHAGIAN RAKYAT CUMA AKAN DAPAT DICAPAI MELALUI KEMENANGAN PERANG TERHADAP KOMUNIS.

+LEBIH BESAR KESANGGUPAN RAKYAT MENGORBANKAN KEHENDAK MEREKA

YANG TIDAK BAGITU PENTING. LEBIH MUDAH DAN LEBIH CEPAT KEMENANGAN AKAN DICAPAI. 9

+LEBIH CEPAT MENANG. LEBIH AWAL LAGI DAPAT KITA SEKALI LAGI MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA TUNTUTAN DAN RINTIHAN RAKYAT.+ TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 0940/AB

££

B507

PEMUDA - MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA SOAL PENGORBANAN RAKYAT INI SEBENARNYA MERUPAKAN SATU UJIAN KEPIMPINAN BAGI ORANG-ORANG UMNO.

+SEJAK MERDEKA RAKYAT LEKA DENGAN BERBAGAI JENIS PEMBANGUNAN. MEREKA TELAH DILAYAN BUKAN SAJA DENGAN KEMUDAHAN YANG PENTING SEPERTI SEKOLAH DAN KLINIK. TETAPI JUGA DEWAN ORANG RAMAI YANG AKHIRNYA DIGUNA SEBAGAI TEMPAT SIMPAN KAMBING ATAU DIBIARKAN RUNTUH.

+ASYEK DENGAN LAYANAN YANG BIASA DIDAPATI DENGAN MUDAH. MEREKA TENTU TIDAK SANGGUP BERSABER SEMENTARA TENAGA DAN WANG KERAJAAN DITUMPUKAN KEPADA PEPERANGAN.

+WALAU PUN KITA SEDANG BERPERANG. MEREKA AKAN TERUS MENDESAK DAN MENUNTUT ITU INI SESIAPA YANG CUBA MENGUBAH SIKAP MEREKA TIDAK AKAN MENJADI POPULER.+ KATANYA. -- BERSAMBUNG 0943/AB

EE

B10H

PEMUDA - MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

KATANYA DR. MAHATHIR. DI SINILAH WUJUD SATU UJIAN KEPIMPINAN BAGI ORANG-ORANG UMNO.

+APAKAH KITA SANGGUP MENJADI TIDAK POPULER KERANA KITA SEDAR PEPERANGAN TERHADAP KOMUNIS ADALAH LEBIH PENTING ATAU KITA UTAMAKAN POPULARITI DIRI KITA WALAUPUN KESANNYA MUNGKIN KECELAKAAN BAGI BANGSA DAN NEGARA.

+BAGI SETENGAH-SETENGAH PEMIMPIN. KEUTAMAAN BAGI MEREKA ADALAH POPULARITI. MEREKA AKAN MENIMBULKAN MASALAH LAYANAN TERHADAP RAKYAT WALAUPUN LAYANAN INI AKHIRNYA AKAN MENG-HANCURKAN RAKYAT.

+MEREKA AKAN MENDEDAH DAN MEMPAMIRKAN KEKECIWAAN RAKYAT SENGAJA UNTUK MENARIK PERHATIAN DAN SOKONGAN KEPADA DIRI MEREKA.+ KATANYA.

TETAPI BAGI PEMIMPIN UMNO BELIAU TIDAK MAHU MEREKA Mencari POPULARITI KERANA POPULARITI. -- BERSAMBUNG 0945/AB

EE

B509

PEMUDA - MAHATHIR 8 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN RAKYAT AKAN MENJERIT DAN MENGECEM UMNO. YANG MESTI DIUTAMAKAN TILAH KEBAHAGIAN YANG CUMA AKAN DICAPAI MELALUI KEMENANGAN PERANG TERHADAP KOMUNIS.

+ADALAH LEBIH BAIK KITA HANCUR KERANA MENJAGA KEPENTINGAN PENGANUT UMNO DAN ORANG MELAYU SERTA NEGARA DARIPADA KITA MENJADI POPULER DENGAN MEMIMPIN KAUM BANGSA KITA KE ARAH KECELAKAAN.+ TEGASNYA.

BIAR ORANG LAIN MENJADI POPULER. KERANA POPULARITI YANG MURAH DAN MUDAH ADALAH SEMENTARA. KATANYA LAGI.

BELIAU MENYERU ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SELURUHNYA SUPAYA MENGHIDUPKAN SEMULA SEMANGAT PERPADUAN SEPERTI YANG TELAH LAHIR PADA MASA UMNO BERJUANG UNTUK MENCAPAI KEMERDEKAAN DAHULU. -- BERSAMBUNG 0948/AB

EE

B510

PEMUDA - MAHATHIR 9 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENINGATKAN MEREKA SUPAYA JANGAN SEKALI-KALI KHAYAL DAN MENYANGKA BAHWA KEMERDEKAAN YANG TELAH DICAPAI AKAN BERKEKALAN SECARA OTOMATIS.

KEKAL ATAU TIDAK KEMERDEKAAN NEGARA INI BERGANTUNG KEPADA KESEDARAN RAKYAT DAN SIKAP BERTANGGUNGJAWAB DALAM TIAP-TIAP SESUATU YANG DILAKUKAN OLEH MEREKA.

BELIAU MENYENTUH TENTANG KURANGNYA MINAT ORANG-ORANG MUDA KEPADA UMNO PADA MASA INI DAN MENGGESA SUPAYA KAJIAN DIBUAT MENGAPA KEADAAN INI BERLAKU.

APAKAH INI DISEBABKAN OLEH UMNO SUDAH MENJADI SOMBONG DAN BONGKAK DAN TIDAK MEMPERJUANGKAN LAGI KEPENTINGAN ORANG DI LUAR UMNO. TANYANYA.

ATAU APAKAH DISEBABKAN OLEH KURANG FAHAMAN TENTANG CARA DAN PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH UMNO.

MENURUTNYA SESUATU ITU TIDAK BERLAKU TANPA SEBAB. -- BERSAMBUNG 0950/AB

EE

B511

PEMUDA - MAHATHIR 10 KUALA LUMPUR

+KITA PERLU KAJI DAN KITA PERLU TAHU KERANA CUMA DENGAN CARA INI SAJA DAPAT KITA BERTINDAK MEMBETUL ATAU MENGATASI MASALAH KEKURANGAN MINAT DI KALANGAN BELIA TERHADAP UMNO.+ KATANYA.

USAHA MEMPERTAHANKAN UMNO DAN MENGUKUHKAN KATA DR. MAHATHIR LAGI. PENTING BAGI BELIA SENDIRI. SAMADA DI DALAM ATAU DI LUAR UMNO. KERANA UMNO MASIH MERUPAKAN SATU EJENSI YANG PENTING BAGI MEMBANGUNKAN ORANG MELAYU.

SAMADA BELIAU DI LUAR UMNO FAHAM ATAU TIDAK. SEBAGAI ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB. PEMUDA UMNO PERLU BERUSAHA SUPAYA UMNO TERUS MENDAPAT SOKONGAN DARI JENERASI MUDA. SERUNYA.

HANYA DENGAN SIKAP DAN TINDAKAN SEPERTI INI SAHAJALAH MENURUT BELIAU UMNO AKAN TERUS MENJADI PERTUBUHAN POLITIK YANG DINAMIS. -- BERSAMBUNG 0951/AB

EE

B512

PEMUDA-MAHATHIR 11 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA BERHARAP JENERASI MUDA DALAM UMNO AKAN DAPAT BERTINDAK DENGAN LEBIH BERTANGGUNGJAWAB SERTA DENGAN SIKAP YANG LEBIH POSITIF.

+MENKRITIK MEMANG PENTING. TETAPI MENKRITIK SERTA MENGELUARKAN SUARA YANG LANTANG SAJA TIDAK AKAN BERMAKNA BAHAWA KITA SUDAH MENJALANKAN TUGAS KITA DAN BERTINDAK SECARA BERTANGGUNGJAWAB.

+KITA HARUSLAH MEMAINKAN PERANAN YANG BOLEH MEMBUAHKAN HASIL BAGI MENGISI CITA-CITA KITA.+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENYARANKAN PENTINGNYA UMNO MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM MEMBENTUK NILAI-NILAI MASYARAKAT.

PENGLIBATKAN UMNO INI MENJADI LEBIH PENTING LAGI KERANA KESAN KEBUDAYAAN DAN NILAI ASING NAMPAKNYA SUDAH KEMBANG DAN BERJAYA MEMBENTUK SIKAP YANG TIDAK SIHAT DI KALANGAN ORANG MELAYU. KHUSUSNYA PEMUDA DAN PEMUDI DI NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 0955/AB

EE

B513

PEMUDA - MAHATHIR 12 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA DI WAKTU INI TERDAPAT SATU PERTANDINGAN ANTARA PENGARUH NAFSU DENGAN PENGARUH AGAMA DAN KEBUDAYAAN.

YANG LEBIH MEUNGSINGKAN LAGI. KATANYA. IALAH MEREKA YANG KONONNYA BERJUANG UNTUK KEBAIKAN MENGGUNAKAN NAFSU DAN PERASAAN IRIHATI SERTA BENCI MEMBENCI.

MEREKA BERBUAT DEMIKIAN KERANA KESAN PERASAAN-PERASAAN INI ADALAH L LEBIH KUAT DAN LEBIH MUDAH MENJAYAKAN KEPIMPINAN MEREKA.

KATANYA TIDAK ADA TEMPAT DALAM UMNO BAGI CARA-CARA YANG BURUK INI. PEMUDA DAN WANITA UMNO PERLU BERJUANG BERSAAS KEPADA KEBAIKAN UMNO DAN TIDAK PERLU MENIMBULKAN KEBENCIAN KEPADA SESUATU ATAU SESIAPA UNTUK MENDAPAT PENGARUH.

NAFSU DAN PERASAAN YANG BURUK BUKAN ASAS YANG SIHAT BAGI PERJUANGAN. DALAM UMNO ASAS PERJUANGAN ADALAH PETRIOTISMA DAN KASIH SAYANG KEPADA BANGSA. AGAMA DAN TANAH AIR. KATANYA LAGI.

-- BERSAMBUNG 0954/AB